

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM**

**TARIKH : 1 JULAI 2019**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan julat harga pasaran (*market price range*) bagi balak pokok getah dan kayu pokok getah yang telah diproses mengikut saiz pada masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Julat harga pasaran (*market price*) bagi kayu balak getah bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah daripada RM150 per tan sehingga RM180 per tan dengan purata harga RM165 per tan. Manakala julat harga kayu getah yang telah diproses atau kayu getah bergergaji (KGB) mengikut saiz per m<sup>3</sup> bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

Saiz	Harga Minima	Harga Maksimum
1"x2"	RM1,045	RM1,109
2"x2"	RM1,174	RM1,174
3"x3"	RM1,315	RM1,335
4"x4"	RM1,529	RM1,580

Sekian, terima kasih.